

26 JUN 2000

Guru-Peluru

MURID HANTAR PELURU HIDUP KPD GURU, KEMUNCAK MASALAH DISIPLIN PELAJAR?

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) hari ini mendedahkan insiden seorang guru menerima peluru hidup yang disyaki dihantar oleh murid di sebuah sekolah rendah di Sungai Besi di sini minggu lepas.

Setiausaha Agung KPPK N. Siva Subramaniam berkata insiden itu mungkin contoh kemuncak masalah disiplin di sesetengah sekolah yang kini di tahap "amat teruk".

"Kami dapat laporan bahawa disiplin di sesetengah sekolah sekarang dalam keadaan amat teruk...bahkan ada guru-guru yang kena tampar oleh murid tetapi mereka tidak laporkan kepada jabatan," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini.

Siva yang juga presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berada di lapangan terbang itu untuk menyambut kepulangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari menghadiri Sidang Kemuncak ke-10 Kumpulan Negara-negara Membangun (G15) di Kaherah.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai insiden peluru hidup itu, sebaliknya meminta wartawan mendapatkan maklumat lanjut daripada polis.

Ketua Polis Daerah Cheras ACP Ali Hanafiah ketika dihubungi, mengesahkan insiden itu.

Katanya sebiji peluru di dalam sampul, dijumpai di atas meja di sebuah kelas di Sekolah Rendah Tasik Desa, Sungai Besi minggu lepas.

"Polis masih menyiasat siapa yang menghantar peluru itu dan belum dapat memastikan sama ada ia dihantar oleh pelajar atau orang luar," katanya yang tidak dapat mengesahkan sama ada ianya peluru hidup atau hanya kelongsong peluru.

Polis juga belum dapat menentukan sama ada peluru itu dihantar kepada guru tertentu sebagai amaran atau ada motif lain, katanya.

Siva berkata KPPK berpendapat sudah tiba masanya beberapa buah sekolah yang mengalami masalah disiplin yang teruk mendapatkan bantuan langsung daripada polis.

KPPK berkemungkinan besar akan mencadangkan kepada kerajaan supaya menggunakan khidmat polis dan Pasukan Simpanan Persekutuan dalam beberapa keadaan yang melibatkan masalah disiplin yang sangat teruk di sekolah-sekolah.

Rasional di sebalik cadangan itu ialah tindakan proaktif perlu diambil untuk menjamin keselamatan dan ketenangan belajar bagi majoriti murid, yang perlu diselamatkan daripada gangguan empat atau lima murid lain yang membuat kacau, katanya.

Menurut Siva, dalam satu kelas mungkin ada 50 murid tetapi dua atau tiga orang sahaja yang buat kacau dan lantaran itu tindakan perlu diambil segera untuk menyelamatkan 47 murid yang lain.

"Apa pasal kita tunggu dia tikam baru kita hendak bertindak... kita mahu tindakan lebih positif dan proaktif," tegas beliau.

Siva agak kecewa kerana ada sekolah yang memaparkan hanya keadaan yang baik di sekolah bila ada orang kenamaan melawat, yang telah memaklumkan mengenai lawatan itu lebih awal.

Mengenai insiden kebakaran sekolah, Siva berkata mungkin benar ada perbuatan sabotaj seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin.

"Mungkin juga satu tanda murid hendak tunjukkan kepada Kementerian Pendidikan bahawa mereka berani buat begitu..." katanya.

Beliau mahu kementerian mengadakan perbincangan serius dengan sekolah dan memberi perhatian sewajarnya kepada faktor kekurangan guru, yang menurutnya, juga merupakan satu daripada penyebab masalah disiplin timbul.

Kejadian murid darjah satu ditikam murid tingkatan satu merupakan satu contoh betapa perlunya tindakan tegas seperti pemeriksaan badan dijalankan untuk memastikan keselamatan majoriti murid.

"Dalam keadaan seperti ini kita dapati body search mungkin perlu dibuat walaupun ibu bapa tidak gemar," katanya, yang beberapa kali menekankan bahawa pertimbangan utama seharusnya diberikan bagi menjamin keselamatan majoriti murid dan bukannya segelintir yang samseng itu.

-- BERNAMA

MNY MRA/ZS RON